



ZULHILMI BIN HAJI JAIDIN

Kepentingan Sokongan Sosial dalam Mengukuhkan Kawalan Sosial terhadap Bekas Pengguna Dadah: Satu Kajian Sorotan Literatur

IKHTISAR: Negara-negara di dunia tidak terlepas dari menghadapi masalah penyalahgunaan dadah. Walaupun masalah penyalahgunaan dadah ini sukar untuk dikawal dan diatasi, ia perlu dicegah dari merebak dan berleluasa. Kawalan sosial adalah salah satu jalan atau cara yang terbaik untuk mengawal dan mencegah dari berlakunya masalah dadah ini. Walaupun jenis kawalan ini tidak dapat mengatasi masalah penyalahgunaan dadah secara kolektif, akan tetapi kesan daripada kawalan berkenaan akan dapat mengurangkan kadar masalah tersebut. Artikel ini, dengan mengguna-pakai pendekatan kualitatif dan kaedah sorotan literatur, cuba menjelaskan tentang kepentingan sokongan sosial dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah secara umum. Banyak kajian terdahulu menyentuh tentang betapa pentingnya sokongan sosial dalam mengawal bekas pengguna dadah. Bekas pengguna dadah sangat memerlukan sokongan sosial daripada kumpulan sokongan sosial untuk terus hidup tanpa dadah. Dengan adanya kumpulan sokongan sosial, mereka merasakan diri mereka dihargai, dipedulikan, dan disayangi. Ini secara langsung mencegah mereka untuk mengulangi tingkah-laku penggunaan dadah dan sekali gus menunjukkan keberkesanan pusat pengawasan dadah.

KATA KUNCI: Kawalan dan Sokongan Sosial; Penyalahgunaan Dadah; Bekas Pengguna Dadah

ABSTRACT: "The Importance of Social Support in Strengthening Social Control of Former Drug Users: A Literature Review Study". Most of the countries in the world never miss out from facing a drug abuse problem. Despite the problem of drug abuse is difficult to control and overcome totally, it must be prevented from spreading widely. Social control is one of the best ways or tools to control and prevent this drug problem. In spite of this type of control does not overcome the problem of substance abuse collectively, but the effects of such controls can reduce the rate of such problems. This article, using the qualitative approach and literature review method, tries to explain the importance of social support in strengthening social control against former drug users in general. Most of previous studies have touched on the importance of social support in controlling former drug users. Former drug users needed social support from social support groups for survive without drugs. With this social support groups, they are appreciated, care, and loved. This can prevent them from repeating the drug's behavior and it will also show the effectiveness of the surveillance drug center.

KEY WORD: Social Control and Support; Drug Abuse; Former Drug Users.

About the Author: Dr. Zulhilmi bin Haji Jaidin ialah Pensyarah di APB UBD (Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam), Jalan Tunku Link, Gadong, Negara Brunei Darussalam. Bagi urusan sebarang akademik, Penulis boleh dihubungi secara terus melalui alamat emel: zulhilmi.jaidin@ubd.edu.bn

Suggested Citation: Jaidin, Zulhilmi bin Haji. (2020). "Kepentingan Sokongan Sosial dalam Mengukuhkan Kawalan Sosial terhadap Bekas Pengguna Dadah: Satu Kajian Sorotan Literatur" in *SUSURGALUR: Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, Volume 8(2), September, pp.175-188. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press and UBD Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam, ISSN 2302-5808 (print) and ISSN 2684-7388 (online).

Article Timeline: Accepted (June 1, 2020); Revised (July 3, 2020); and Published (September 30, 2020).

PENDAHULUAN

Kehidupan di dunia ini sudah terbiasa dan terdidik dengan kawalan sosial, iaitu dengan mematuhi nilai dan norma masyarakat, arahan, tegahan, peraturan, dan undang-undang sesebuah negara. Sedari kecil, kita telah diajarkan dan dididik dengan tingkah-laku yang baik dan positif oleh ibu bapa melalui proses sosialisasi. Di sekolah, kita mesti mematuhi peraturan-peraturan sekolah berkenaan (Bani, 2008; Mansurnoor, 2008; dan Hashim, 2019).

Di tempat kerja pula, kita dikehendaki untuk mematuhi peraturan-peraturan kerja. Hidup berjiran dan bermasyarakat juga mempunyai tata-cara dan tata-tertibnya. Maka, kawalan sosial itu ada di mana-mana, baik di rumah, di tempat kerja, di tempat awam, institusi-institusi koreksional mahupun lain-lain tempat. Pengguna dadah yang ditempatkan di penjara atau pusat pemulihan dadah juga diberikan kawalan sosial. Begitu juga, apabila mereka keluar dari penjara atau pusat pemulihan dadah, mereka akan menjalani pemulihan, yang seterusnya dikenali sebagai program pengawasan (Serbini *et al.*, 2012; Mustajaf, 2015; dan Hashim, 2019).

Justeru, bekas pengguna dadah perlu dikawal, iaitu dengan dibantu, dipantau, dan dibimbing, serta diberikan sokongan agar mereka dapat mengawal diri mereka. Sokongan yang berterusan akan menjadikan mereka lebih berkelakuan positif. Dengan itu, betapa pentingnya sokongan sosial dalam membantu mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah (Mustajaf, 2015; Zain & Tengah, 2015; dan Azmi *et al.*, 2016).

Artikel ini, dengan menggunakan pendekatan kualitatif dan sorotan literatur (Creswell, 2008; Zed, 2008; dan Ramli, 2019), mahukan mengkaji pemerihal: (1) *Sokongan Sosial Mengukuhkan Kawalan Sosial*

terhadap Bekas Pengguna Dadah; (2) Kumpulan Sokongan Sosial: Ibu Bapa atau Keluarga; (3) Kumpulan Sokongan Sosial: Kawan; (4) Kumpulan Sokongan Sosial: Masyarakat; dan (5) Kumpulan Sokongan Sosial: Pusat Pengawasan.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sokongan Sosial Mengukuhkan Kawalan Sosial terhadap Bekas Pengguna Dadah.

Banyak kajian terdahulu, sama ada penulis tempatan atau luar negara, menyatakan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi penghuni atau banduan ataupun bekas pengguna dadah melakukan dan mengulangi kesalahan dadah (Kim, 1990; Oswald & Suss, 1994; Mohamed *et al.*, 1999; Maidin, 2000; Ismail, 2002; Ismail, 2004; Jaidin, 2006; Ibrahim *et al.*, 2009; dan Serbini *et al.*, 2012).

Antara faktor-faktor tersebut adalah seperti berikut: Perasaan ingin tahu atau ingin mencuba; Pengaruh rakan sebaya atau kawan-kawan; Ingin keseronokan; Terdapatnya pembekal dadah; Masalah label; Rangsangan; Secara tidak sengaja; Menahan sakit/ketahanan badan; Suka-suka; Tidak mempunyai pekerjaan; Tekanan perasaan atau jiwa; Ketagih; Kemahuan sendiri; Masalah Keluarga; Ingin merasa dadah yang berbeza; Melupakan masalah; Kecewa dalam hidup; Gagal untuk melaporkan diri di bawah skim pengawasan; Perlanggaran terhadap sistem parol; Perlanggaran terhadap *probation*; Harga dadah yang rendah; Tiada motivasi dan dorongan untuk berubah; Kurangnya didikan daripada ibu bapa; Kurang pengetahuan agama; Memilih cara hidup ingin bebas; Menjadi pengedar dadah; dan Program pemulihan yang kurang berkesan (Serbini *et al.*, 2012; Mustajaf, 2015; dan Ariffin, Nasir & Kamaluddin, 2019).

Dari faktor-faktor tersebut menunjukkan bahawa bekas pengguna dadah memang memerlukan kawalan sosial, dan salah satu kawalan

sosial yang dapat membantu mereka ialah melalui sokongan sosial. Sokongan sosial adalah seseorang yang memerlukan penghargaan, penghormatan, penjagaan, perhatian, dan kasih-sayang daripada orang lain, yang akhirnya melahirkan hubungan yang erat sesama mereka (Barnes & Farrell, 1992; Rahman *et al.*, 2009; dan Serbini *et al.*, 2012).

Dalam menjalani program pengawasan dadah, bekas pengguna dadah memang menghadapi cabaran dan dugaan, apabila didedahkan bersama masyarakat. Di sinilah pentingnya peranan yang dimainkan oleh kumpulan sokongan sosial dalam mengawal dan mencegah bekas pengguna dadah dari bertingkah-laku negatif (Ismail, 2010; Mustajaf, 2015; dan Zain & Tengah, 2015).

Banyak kajian terdahulu menegaskan bahawa pentingnya sokongan sosial dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. L.A. Jason, M.I. Davis & J.R. Ferrari (2007), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa perubahan atau kekurangan keinginan untuk terlibat dalam penggunaan dadah dapat dikurangkan melalui sokongan sosial. Sokongan sosial merupakan jalinan hubungan orang signifikan yang membantu, sama ada semasa menghadapi krisis, masalah, atau semasa bersuka-suka ataupun berhibur (Jason, Davis & Ferrari, 2007; Rejab, 2009; dan Serbini *et al.*, 2012).

Manakala C. Rogers (1961), dan sarjana lainnya, pula menyatakan bahawa perubahan tingkah-laku atau sikap individu memerlukan sokongan daripada orang lain (Rogers, 1961; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Deuraseh & Murad, 2018). H. Oswald & K.U. Suss (1994), dan sarjana lainnya, juga menyatakan bahawa sokongan sosial menyumbang kepada perkembangan positif dalam kalangan individu (Oswald & Suss, 1994; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Isa, Ismail

& Hassan, 2018). Selain itu, I.G. Sarason *et al.* (1983), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa sokongan sosial juga merujuk kepada wujudnya sokongan daripada orang-orang yang mengambil berat, menghargai, dan menyayangi mereka (Sarason *et al.*, 1983; Deuraseh & Murad, 2018; dan Nawi *et al.*, 2018).

Justeru, sokongan sosial sangat signifikan dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Kumpulan sokongan sosial yang dimaksudkan adalah terdiri daripada ibu bapa atau keluarga, kawan-kawan, masyarakat, dan pusat pengawasan dadah (Serbini *et al.*, 2012; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Nawi *et al.*, 2018).

Kumpulan Sokongan Sosial: Ibu Bapa atau Keluarga. Ibu bapa atau keluarga memainkan peranan yang amat penting dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap anak-anak. Ibu bapa atau keluarga perlu komited dalam mendidik, membimbing, dan menasihati anak-anak, walaupun mereka itu telah dikenali sebagai penagih dadah. Kawalan daripada ibu bapa atau keluarga dapat mengelakkan anak-anak terjerumus dari mengulangi jenayah dadah (Hamid, Suratman & Othman, 2001; Mustajaf, 2015; dan Azmi, Hussin & Ishak, 2016).

Terdapat banyak kajian terdahulu yang menekankan tentang kepentingan ibu bapa atau keluarga dalam memainkan peranan mereka memberikan sokongan kepada anak-anak, yang menjadi pengguna dadah. V. Navaratnam & K. Foong (1996), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa penglibatan ibu bapa atau keluarga, selepas pengguna dadah meninggalkan institusi pemulihan, amat diperlukan untuk membantunya (Navaratnam & Foong, 1996; Serbini *et al.*, 2012; dan Latiff *et al.*, 2016).

J.R. Vicary & J.V. Lerner (1986); D.C. Daley & G.A. Marlatt (1992); dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa

sokongan keluarga amat diperlukan bagi memastikan proses pemulihan berjaya; dan jika keluarga tidak mengambil peduli dan memulaukan bekas pengguna dadah, maka itu hanya akan menggagalkan proses pemulihan yang seterusnya dan menyebabkan bekas pengguna dadah kembali semula ke alam penagihan (Vicary & Lerner, 1986; Daley & Marlatt, 1992; Serbini *et al.*, 2012; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Syarifuddin & Ismail, 2020).

H. Oswald & K.U. Suss (1994), dan sarjana lainnya, mengatakan bahawa sokongan sosial daripada keluarga amat perlu dan membawa kepada kejayaan dalam hidup (Oswald & Suss, 1994; Sahalan, 2015; dan Deuraseh & Murad, 2018). Manakala Lasimon Matokrem (2007), dan sarjana lainnya, mengatakan bahawa berjaya sesuatu pemulihan hendaklah melibatkan ahli keluarga untuk menyertainya (Matokrem, 2007; Mustajaf, 2015; dan Azmi, Hussin & Ishak, 2016).

B.S. Brown *et al.* (2001), dan sarjana lainnya, pula menyatakan bahawa program *aftercare*, atau program selepas pemulihan, perlu berfokuskan kepada komuniti dan perubahan individu. Keutamaan program selepas pemulihan berkenaan adalah, salah satunya yang penting, sokongan yang kukuh dengan meningkatkan kualiti perhubungan bersama keluarga (Brown *et al.*, 2001; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Ibrahim *et al.*, 2017).

NIDA (*National Institute of Drug Abuse*) di Amerika Syarikat mendapati bahawa pembinaan semula hubungan dengan ahli keluarga dan orang lain, yang signifikan dengan pengguna dadah adalah penting dalam proses pemulihan dan menangani relaps (Halik *et al.*, 2011; Kurniasari *et al.*, 2012; dan Ramli, 2012).

Selain itu, Zulhilmi Haji Jaidin ed. (2016), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa dari sejumlah

250 orang bekas pengguna dadah yang menjalani pengawasan, seramai 245 orang (98 peratus) memerlukan sokongan daripada ibu bapa atau keluarga mereka. Manakala seramai 247 orang (98.8 peratus) bekas pengguna dadah masih diterima oleh ibu bapa atau keluarga mereka; dan seramai 245 orang (98 peratus) tidak mahu untuk mengulangi penggunaan dadah atas nasihat ibu bapa atau keluarga mereka (Zain & Tengah, 2015; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Jaidin ed., 2016).

Manakala W.J. McCarthy & M.D. Anglin (1990), dan sarjana lainnya, pula menegaskan bahawa sokongan keluarga yang longgar membolehkan anak mereka menjadi pengguna dadah (McCarthy & Anglin, 1990; Mohamed, 2004; dan Lik, 2019). Fauziah Ibrahim *et al.* (2009), dan sarjana lainnya, dalam kajian mereka mendapati bahawa ketiadaan interaksi yang bersifat terbuka di antara bekas pengguna dadah dengan ahli keluarga telah menyumbang kepada berlakunya kecenderungan penagihan relaps dalam kalangan pengguna dadah (Ibrahim *et al.*, 2009 dan 2017; Rejab, 2009 dan 2014; dan Mustajaf, 2015).

Mohd Taib, Rusli & Mohd Khairi (2000), dan sarjana lainnya, pula menegaskan antara punca yang menimbulkan ketidakelesaian seseorang pengguna dadah untuk menceritakan sesuatu masalah kepada ahli keluarga mereka adalah disebabkan oleh wujudnya komunikasi yang longgar dan interaksi yang kurang berkesan dalam kalangan ahli keluarga. Pola komunikasi kekeluargaan yang lemah ini berupaya menyebabkan berlakunya aktiviti pengambilan dadah dalam kalangan anak-anak (Taib, Rusli & Khairi, 2000; Mustajaf, 2015; dan Othman, Idris & Druis, 2015).

Justeru, ibu bapa atau keluarga memainkan peranan yang sangat penting untuk bekerjasama dalam

membantu, membimbing, dan menyokong pembentukan dan pengukuhan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Hal ini telah dinyatakan oleh E.A. Blenchman (1982), dan sarjana lainnya, yang menegaskan bahawa keluarga hendaklah bertanggungjawab dan memainkan peranan yang penting dalam membantu bekas pengguna dadah untuk terus mengamalkan gaya hidup bebas dadah; kerana, mengikut kajian terdahulu, keluarga yang bermasalah didapati mempunyai hubungan yang positif dengan pengambilan dadah (Blenchman, 1982; Mustajaf, 2015; dan Azmi, Hussin & Ishak, 2016).

Kumpulan Sokongan Sosial:

Kawan. Kawan-kawan juga mempunyai peranan yang penting dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Kawan-kawan yang baik merupakan kumpulan sokongan sosial yang berupaya membantu kawan-kawan mereka yang menjadi pengguna dadah. Dalam konteks ini, Chuah Mooi Kim (1990), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa sokongan rakan-rakan berupaya membantu seseorang bekas pengguna dadah untuk tidak menagih, seperti sokongan berbentuk emosi dan semangat yang tinggi (Kim, 1990; Deuraseh & Murad, 2018; dan Nawi *et al.*, 2018).

H. Oswald & K.U. Suss (1994), dan sarjana lainnya, juga menegaskan bahawa sokongan sosial daripada kawan-kawan sangat diperlukan untuk menempuhi kecerahan hidup (Oswald & Suss, 1994; Isa, Ismail & Hassan, 2018; dan Nawi *et al.*, 2018). Manakala B.S. Brown *et al.* (2001), dan sarjana lainnya, pula menyatakan bahawa sokongan rakan-rakan perlu ada dalam program selepas pemulihan bagi meningkatkan kualiti perhubungan mereka (Brown *et al.*, 2001; Min, 2013; dan Mustajaf, 2015).

Zulhilmi Haji Jaidin ed. (2016), dan

sarjana lainnya, menegaskan bahawa seramai 229 orang (91.6 peratus) bekas pengguna dadah, yang mengikuti pengawasan, memerlukan sokongan daripada kawan-kawan. Manakala seramai 233 orang (93.2 peratus) tidak akan mengulangi penggunaan dadah atas nasihat daripada kawan-kawan mereka; dan seramai 230 orang responden (92 peratus) dibimbing oleh kawan-kawan mereka untuk menjauhkan diri daripada dadah (Jaidin ed., 2016; Zain, 2016; and Syarifuddin & Ismail, 2020).

Jika kawan-kawan tidak memberikan sokongan yang positif kepada bekas pengguna dadah, maka ruang untuk mereka mengulangi tingkah-laku adalah terbuka dan sekali gus dipengaruhi oleh kawan-kawan lama mereka yang menagih. Dalam konteks ini, Fauziah Ibrahim *et al.* (2009), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa penagihan relaps adalah disebabkan oleh pengaruh rakan lama, yang masih menagih, dan memainkan peranan dalam keterlibatan penggunaan semula dadah (Ibrahim *et al.*, 2009; Azmi *et al.*, 2016; dan Azizul, Khir & Jaafar, 2018).

Manakala Mahmood Nazar Mohamed *et al.* (1999), dan sarjana lainnya, pula mengatakan bahawa rakan-rakan lama yang penagih mempengaruhi bekas pengguna dadah untuk kembali semula kepada tabiat penggunaan dadah, setelah mereka keluar daripada pusat pemulihan. Oleh itu, untuk mengelakkan dari perkara itu berlaku, maka bekas pengguna dadah hendaklah menjauhkan atau mengelakkan diri daripada kawan-kawan sedemikian (Mohamed *et al.*, 1999; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Deuraseh & Murad, 2018).

Kumpulan Sokongan Sosial:

Masyarakat. Selain ibu bapa atau keluarga dan kawan-kawan, masyarakat juga memainkan peranan yang sangat penting dalam memberikan sokongan positif terhadap

bekas pengguna dadah. Dalam konteks ini, Ruhani Mat Min, Abdullah Mohamed & Nor Ezdianie Omar (2012), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa sokongan, penerimaan, dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan ahli masyarakat adalah penting bagi membantu bekas pengguna dadah untuk balik semula ke dalam masyarakat (Min, Mohamed & Omar, 2012; Zain & Tengah, 2015; dan Nawi *et al.*, 2018).

Mohamad Johdi Salleh (2012), dan sarjana lainnya, juga menegaskan bahawa bantuan semua pihak, terutama masyarakat, adalah penting kepada bekas pengguna dadah untuk terus membebaskan diri mereka daripada pengaruh dadah (Salleh, 2012; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Deuraseh & Murad, 2018). Mohd Azlan bin Mohd Nor & Mahmood Nazar bin Mohamed (2009), dan sarjana lainnya, menyatakan bahawa masyarakat mempunyai pengaruh yang kuat dalam membendung penggunaan semula dadah, dan mereka perlu prihatin dalam menangani masalah ini (Nor & Mohamed, 2009; Mustajaf, 2015; dan Deuraseh & Murad, 2018).

Manakala Zulhilmi Haji Jaidin *et al.* (2016), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa seramai 238 orang (95.2 peratus) memerlukan sokongan masyarakat untuk mencegah pengulangan penggunaan dadah (Azmi, Hussin & Ishak, 2016; Jaidin *et al.*, 2016; dan Zain, 2016). Selain itu, Fauziah Ibrahim *et al.* (2009), dan sarjana lainnya, pula mengatakan bahawa salah satu faktor penyumbang kepada penggunaan semula dadah adalah penerimaan yang kurang oleh ahli masyarakat terhadap golongan ini. Maka, perlunya aktiviti pemulihan dalam masyarakat dilaksanakan agar penerimaan masyarakat terhadap golongan bekas pengguna dadah dapat ditingkatkan (*cf* Ibrahim *et al.*, 2009; Min, Mohamed & Omar, 2012; dan Zain & Tengah, 2015).

Mahmood Nazar Mohamed *et al.* (1999), dan sarjana lainnya, juga menegaskan bahawa kekurangan sokongan masyarakat menyumbang kepada tingkah-laku penggunaan dadah (Mohamed *et al.*, 1999; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Nawi *et al.*, 2018). Manakala D.C. Daley (1987); J.D. Hawkins & M.W. Fraser (1987); W.R. Miller (1992); dan sarjana lainnya, pula menegaskan bahawa sokongan yang lemah dalam kalangan masyarakat terhadap bekas pengguna dadah telah memberi pengaruh yang tinggi terhadap kecenderungan penagihan relaps (Daley, 1987; Hawkins & Fraser, 1987; Miller, 1992; dan Azmi, Hussin & Ishak, 2016).

Wan Rafaei Abdul Rahman *et al.* (2009), dan sarjana lainnya, mendapati bahawa berlakunya kes pengulangan penyalahgunaan dadah adalah disebabkan oleh longgarnya sokongan masyarakat kepada pengguna dadah untuk hidup bebas dari dadah, setelah mereka keluar dari pusat pemulihan (Rahman *et al.*, 2009; Serbini *et al.*, 2012; dan Azizul, Khir & Jaafar, 2018).

Oleh itu, masyarakat hendaklah memainkan peranan utama untuk membantu membanteras penyalahgunaan dadah. Tanpa kerjasama daripada pihak masyarakat, hasrat kerajaan untuk memulihkan bekas pengguna dadah dan menjadikan mereka sebagai warganegara yang berguna tidak akan kesampaian, ekoran sikap prejudis masyarakat yang tidak mahu menerima sepenuhnya pengguna dadah yang telah insaf (Ibrahim *et al.*, 2009; Kamaruddin, 2014; dan Mustajaf, 2015).

Mohd Zaidi Mohd Hajazi (2002), dan sarjana lainnya, juga menegaskan bahawa bekas pengguna dadah sukar untuk hidup normal dalam masyarakat, kerana pandangan serong, prasangka, diskriminasi, segregasi, dan berbagai tindakan lagi yang cuba menyingihkan mereka daripada masyarakat (Mohamed *et*

al., 2000; Hajazi, 2002; dan Serbini *et al.*, 2012). Manakala M. Dittmar, M. Ratnasingam & V. Navaratnam (1984), dan sarjana lainnya, pula menyatakan bahawa sikap masyarakat terhadap bekas pengguna dadah tidak banyak membantu, dan menyebabkan mereka terasing dan akan mengulangi tabiat penagihan mereka (Dittmar, Ratnasingam & Navaratnam, 1984; Serbini *et al.*, 2012; dan Zain & Tengah, 2015).

S. Patricia & L.S. Robert (2005), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa seseorang pengguna dadah, yang sedang mendapatkan khidmat rawatan di pusat pemulihan, kebiasaannya mereka mempunyai keazaman dan keyakinan yang tinggi bahawa mereka akan berjaya menghindari diri daripada terjebak semula ke kancah penggunaan dadah. Mereka mempunyai semangat yang kuat untuk pulih semasa dibebaskan. Namun, setelah mereka tamat menjalani proses rawatan dan dibebaskan, keadaan mereka menjadi sebaliknya. Ini kerana mereka mendapati keadaan persekitaran di luar pusat pemulihan tidak menyokong, sepertimana yang mereka harapkan (Patricia & Robert, 2005; Noor & Kamarudin, 2015; dan Latif, 2016).

Justeru, masyarakat perlulah menghindarkan diri dari memandang serong kepada bekas pengguna dadah dan menganggap mereka sebagai sekumpulan manusia yang tidak berguna untuk negara, dan melabelkan mereka sebagai sampah masyarakat. Oleh itu, seluruh masyarakat seharusnya lebih ikhlas untuk membantu dan membimbing bekas pengguna dadah, dengan memberi sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi kepada mereka untuk lebih berkeyakinan meneruskan kehidupan (*cf* Serbini *et al.*, 2012; Kamaruddin, 2014; dan Mustajaf, 2015).

Dengan adanya kerjasama semua pihak dalam menangani masalah

ini, sudah pasti dapat membantu bekas pengguna dadah membina kehidupan yang lebih berketerampilan dan berkeyakinan tinggi untuk terus menjalani hidup sihat dan bebas tanpa dadah (Ibrahim *et al.*, 2009; Mustajaf, 2015; dan Deuraseh & Murad, 2018).

Hal ini juga dibuktikan dalam kajian Zulhilmi Haji Jaidin ed. (2016), dan sarjana lainnya, yang menegaskan bahawa dari seramai 250 orang bekas pengguna dadah yang menjalani pengawasan, seramai 218 orang (87.2 peratus) memerlukan penglibatan masyarakat untuk mencegah pengulangan penggunaan dadah, dan seramai 239 orang (95.6 peratus) menghendaki masyarakat perlu mengubah sikap untuk menerima kembali bekas pengguna dadah (Serbini *et al.*, 2012; Zain & Tengah, 2015; dan Jaidin ed., 2016).

Kumpulan Sokongan Sosial: Pusat Pengawasan. Pusat pengawasan juga memainkan peranan yang penting dalam memberikan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Ia merupakan pusat kawalan sosial di dalam institusi atau kawalan sosial yang berbentuk formal. Ia juga berperanan penting dalam sama-sama membantu, membimbing, dan memberi sokongan kepada bekas pengguna dadah agar mereka benar-benar pulih. Segala peraturan dan aktiviti yang diberikan kepada bekas pengguna dadah dikendalikan oleh pusat ini (Mustajaf, 2015; Deuraseh & Murad, 2018; dan Rusli, 2018).

Abdul Ghafar Taib (1992), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa peringkat pengawasan ini merupakan peringkat yang paling penting dan kritikal, kerana berjaya atau gagalnya pemulihan itu berlaku di peringkat ini. Oleh itu, pusat pengawasan perlu bijak merangka, menyusun, dan mengendalikan aktiviti-aktiviti untuk bekas pengguna dadah agar program itu berjalan dengan lancar, sempurna, dan berkesan (Taib, 1992; Mustajaf,

2015; dan Azmi *et al.*, 2016).

Terdapat beberapa kajian terdahulu, yang menunjukkan sokongan pusat pengawasan dalam mengukuhkan kawalan sosial terhadap bekas pengguna dadah. Sokongan itu nampak dilihat dari segi usaha yang dilakukan oleh pusat pengawasan dalam merancang dan melaksanakan program pengawasan, yang bertujuan untuk mencegah pengguna dadah dari mengulangi tingkah-laku mereka (*cf* Serbini *et al.*, 2012; Deuraseh & Murad, 2018; dan Rusli, 2018).

B.S. Brown *et al.* (2001); L.A. Jason, M.I. Davis & J.R. Ferrari (2007); dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa program pemulihan dalam komuniti memberi kesan positif kepada pengguna dadah (Brown *et al.*, 2001; Jason, Davis & Ferrari, 2007; dan Deuraseh & Murad, 2018). Zulhilmi Haji Jaidin ed. (2016), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa seramai 238 orang responden (95.2 peratus) yang menjalani pengawasan mengikuti program-program yang dikendalikan oleh Cawangan Pengawasan, dan mereka (248 orang/99.2 peratus) mematuhi arahan yang diberikan oleh pihak pengawasan (Serbini *et al.*, 2012; Zain & Tengah, 2015; dan Jaidin ed., 2016).

H.K. Wexler *et al.* (1999), dan sarjana lainnya, dalam kajian mereka terhadap banduan dadah yang dibebaskan dari penjara dan menjalani program pengawasan di luar institusi, menunjukkan bahawa program tersebut adalah berkesan dalam mengurangkan kadar penggunaan semula dadah berbanding banduan yang hanya menjalani *Therapeutic Community* di penjara. Dapatan kajian mereka juga menunjukkan bahawa tempoh program pengawasan yang berkesan ialah selama tiga tahun. Ini dapat mengurangkan kadar penagihan dalam lingkungan 42 peratus hingga 53 peratus (*cf* Wexler *et al.*, 1999; Mohamed *et al.*, 1999 dan 2005;

Ibrahim *et al.*, 2009 dan 2017; dan Deuraseh & Murad, 2018).

K. Knight & D.D. Simpson (1999), dan sarjana lainnya, juga menyatakan bahawa dalam tempoh masa tiga tahun, kadar kemasukan ke penjara untuk mereka yang tamat menjalani program pengawasan ialah sebanyak 22 peratus, berbanding 52 peratus bagi mereka yang tidak mengikuti program pengawasan. Ini menunjukkan bahawa pesalah-pesalah yang tamat menjalani program pengawasan kurang cenderung untuk melakukan kesalahan atau *relapse* (Knight & Simpson, 1999; Serbini *et al.*, 2012; Ibrahim *et al.*, 2009 dan 2017; dan Deuraseh & Murad, 2018).

Manakala M.L. Hiller, K. Knight & D.D. Simpson (1999), dan sarjana lainnya, pula menjalankan kajian kepada 396 banduan lelaki yang melakukan kesalahan jenayah dan menagih dadah. Mereka yang dibebaskan dikehendaki menjalani program pengawasan. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa banduan yang menjalani program pengawasan lebih rendah risiko untuk ditahan semula (Hiller, Knight & Simpson, 1999; Serbini *et al.*, 2012; Azmi, Hussin & Ishak, 2016; dan Deuraseh & Murad, 2018).

M.C. Prendergast, M.D. Anglin & J. Wellisch (1995), dan sarjana lainnya, menegaskan bahawa program pengawasan adalah penting, kerana ia boleh mengukuhkan perlakuan prososial dan mengurangkan *relapse*, di samping memerlukan sokongan tambahan untuk mengekalkan kepuhannya. Bentuk-bentuk sokongan ialah kumpulan rakan-bantu, kumpulan alumni, pengawasan oleh seorang kaunselor, dan lain-lain mekanisme secara formal atau tidak formal untuk memantau kepuhannya pengguna dadah (Prendergast, Anglin & Wellisch, 1995; Ibrahim *et al.*, 2009 dan 2017; Mustajaf, 2015; dan Deuraseh & Murad, 2018).

